

# PENDAFTARAN PELAJAR BAHARU SESI JUN 2020

Adalah saya dengan hormatnya merujuk kepada perkara di atas.

**TAHNIAH** diucapkan kerana berjaya ditawarkan ke Politeknik METrO Kuantan (PMKu). Sehubungan dengan itu, tuan dikehendaki mendaftarkan diri sebagaimana perincian berikut:

Tarikh	: <b>04 Ogos 2020 (SELASA)</b> – Diploma Perkhidmatan Makanan Amalan Halal (DHF) <b>05 Ogos 2020 (RABU)</b> – Diploma Pengurusan Pelancongan (DUP)
Masa	: <b>09.00 am hingga 12.30 pm</b>
Tempat	: <b>Aras 5, Politeknik METrO Kuantan</b>
Pakaian	: <b>Pelajar Lelaki</b> - Berkemeja dan bertali leher, seluar <i>slack</i> hitam, kasut bertutup dan berambut pendek. <b>Pelajar Perempuan</b> – Baju Kurung, baju kemeja berseluar <i>slack</i> hitam panjang, sopan dan digalakkan menutup aurat bagi muslim.
Penginapan	: <b>Penginapan Pelajar Perempuan diuruskan Oleh Koperasi Politeknik METrO Kuantan (Sila rujuk maklumat berkaitan asrama)</b>

Buku Panduan Pendaftaran boleh dimuat turun di <http://www.pmku.edu.my>. Jika tuan **TIDAK MENDAFTAR** pada tarikh, masa dan tempat yang telah ditetapkan, Politeknik beranggapan **ANDA MENOLAK TAWARAN INI.**



## **BUKU PANDUAN PENDAFTARAN**

Buku ini terdiri daripada **3 (TIGA)** bahagian :

- a) Maklumat Am
- b) Maklumat Pendaftaran
- c) Senarai Semak

### **ARAHAN :**

1. Baca dengan teliti semua maklumat yang terkandung di dalam buku ini, fahamkan dan ambil semua tindakan yang berkaitan dengan segera.
2. Lengkapkan semua borang-borang pendaftaran (**HEP1 – HEP6**).
3. Bawa buku ini dan borang-borang pendaftaran yang telah dilengkapkan pada hari pendaftaran.

No. A-5, Jalan Tun Ismail 2, Sri  
Dagangan 11,  
25000 Kuantan, Pahang Darul Makmur.  
Tel : 09 - 5659000 Fax : 09 - 5173259  
<http://www.pmku.edu.my>

## A. MAKLUMAT AM

Baca dengan teliti maklumat/arahan berikut dan sila ambil tindakan yang sewajarnya agar urusan pendaftaran anda berjalan lancar dan anda dapat memulakan pengajian di **Politeknik METrO Kuantan** dengan selesa.

### **MAKLUMAN PENTING:**

Politeknik METrO Kuantan menyediakan kemudahan asrama kepada pelajar. Dengan kerjasama Koperasi Politeknik METrO Kuantan. Untuk maklumat lanjut sila hubungi :

- a) Ustaz Hasni – 019 6582633 (Asrama Koperasi Pelajar Perempuan)**
- b) En. Fahmi - 013 4888508 (Asrama Koperasi Pelajar Perempuan)**
- c) Pn. Hasmah -019 9323299 (Rumah Sewa Lelaki Sahaja)**

## **1. PANDUAN UNTUK KE POLITEKNIK METrO KUANTAN**

Sila rujuk pelan Politeknik METrO Kuantan yang disertakan di muka surat terakhir Buku Panduan ini. Peringatan penting bagi pelajar yang datang dengan kenderaan sendiri, sila patuhi arahan meletak kenderaan di kawasan Politeknik. Kawasan parkir disekitar Politeknik METrO Kuantan adalah berbayar dan dibawah seliaan Majlis Perbandaran Kuantan.

## **2. PERINGATAN SEBELUM PENDAFTARAN**

- a. Semakan **DOKUMEN ASAL** akan dilakukan pada hari pendaftaran. **Bawa semua dokumen asal** yang dikehendaki oleh Politeknik METrO Kuantan pada hari pendaftaran. **Pendaftaran anda akan DITOLAK sekiranya anda gagal menunjukkan dokumen-dokumen tersebut.** Sila rujuk **lampiran 1**.

Kementerian Pendidikan Malaysia juga berhak **MENARIK BALIK** tawaran kemasukan ke Politeknik ini sekiranya terdapat **percanggahan maklumat** di antara dokumen asal dengan maklumat yang telah anda berikan semasa memohon ke politeknik.

- b. Lengkapkan **semua borang** pendaftaran yang disertakan sebelum diserahkan kepada Politeknik METrO Kuantan semasa pendaftaran.

### **3. YURAN PENGAJIAN & BAYARAN PELBAGAI**

**Semua pelajar PERLU membuat bayaran YURAN PENGAJIAN di bank berkenaan sebelum datang mendaftar pada hari pendaftaran. Pembayaran di kaunter pendaftaran secara TUNAI pada hari pendaftaran TIDAK DIBENARKAN.**

1. Jumlah bayaran adalah seperti **JADUAL 1**.
  - a) Pelajar perlu membuat **2(dua) jenis bayaran** meliputi **Bayaran 1** iaitu **Yuran Pengajian, Bayaran 2** iaitu **Bayaran Pelbagai**. Sila rujuk **JADUAL 1** yang diberi.
  - b) Tatacara pembayaran **Yuran Pengajian** boleh dirujuk di **LAMPIRAN 1** dan tatacara pembayaran **Bayaran Pelbagai** boleh dirujuk di **LAMPIRAN 2**. Slip pembayaran bank yang telah dibuat perlu dibawa untuk ditunjukkan semasa hari pendaftaran. **Sila catatkan NAMA, NO KAD PENGENALAN dan NAMA PROGRAM di belakang slip pembayaran.**
  - c) Anda tidak boleh didaftarkan sebagai pelajar politeknik sekiranya gagal menjelaskan sebarang bayaran pada hari pendaftaran.
  - d) Pelajar yang mendapat tajaan daripada mana-mana agensi kerajaan atau swasta **DIMESTIKAN** membawa bersama surat pengesahan penajaan semasa mendaftar. Mana-mana bayaran yang tidak ditanggung oleh penaja ataupun dalam proses permohonan kepada penaja hendaklah dijelaskan semasa pendaftaran.

### **4. BANTUAN KEWANGAN**

Politeknik METrO Kuantan **TIDAK** menjamin sebarang bantuan biasiswa/pinjaman kewangan kepada pelajar. Tarawan biasiswa/pinjaman adalah di luar bidang kuasa Politeknik.

Adalah menjadi tanggungjawab pelajar untuk menyediakan wang perbelanjaan secukupnya untuk kos sara hidup, pengangkutan, alat pembelajaran, buku dan lain-lain.

**PELAJAR DIWAJIBKAN MEMBUKA AKAUN SIMPANAN WAJIB DALAM  
SKIM SIMPANAN PENDIDIKAN NASIONAL (SSPN)  
(UNTUK MEMOHON PEMBIAYAAN PENDIDIKAN PTPTN)**

## **5. SAHSIAH RUPA DIRI**

Secara umumnya pelajar-pelajar hendaklah sentiasa berpakaian kemas, bersih dan sopan. Pelajar Islam diwajibkan berpakaian menutup aurat.

**Semua jenis pakaian yang menjolok mata adalah dilarang.**

Semua pelajar diwajibkan memakai **baju T berkolar** dan **seluar trek (track bottom)** bewarna biru gelap atau hitam dan kasut yang bersesuaian **semasa aktiviti ko kurikulum**.

**Panduan Pakaian dan Rupa Diri Pelajar Semasa Menghadiri Kuliah dan Aktiviti di Kampus:**

**BAJU KEMEJA BERLENGAN PANJANG ATAU PENDEK, BERTALI LEHER, BERKASUT dan BERSTOKIN sepanjang sesi perkuliahan.**

Pelajar hendaklah sentiasa kemas, bersih, dan sopan. Pelajar Islam diwajibkan berpakaian menutup aurat.

### **5.1 SAHSIAH RUPA DIRI PELAJAR LELAKI**

#### **5.1.1 Pakaian ke Kelas/Bengkel/Makmal**

- i. Baju kemeja berlengan panjang atau pendek.
- ii. Baju "T" berkolar yang tidak mempunyai tulisan atau gambar yang membawa pengertian liar, negatif, lucu atau melambangkan mana-mana parti politik. Baju "T" tidak berkolar **TIDAK** dibenarkan.
- iii. Baju hendaklah sentiasa dimasukkan ke dalam seluar (tuck-in).
- iv. Baju hendaklah sentiasa dikenakan butang dengan sempurna.
- v. Pemakaian baju kebangsaan dibenarkan tetapi hendaklah lengkap bersampin, berkasut dan bersongkok hitam.
- vi. Berseluar "slack".
- vii. Berkasut dan berstokin.
- viii. Selipar, terompah, capal dan seumpamanya **TIDAK** dibenarkan.
- ix. Sebarang bentuk perhiasan **TIDAK** dibenarkan.

#### **5.1.2 Rambut**

- i. Rambut hendaklah sentiasa pendek dan kemas. paras belakang tidak melebihi parsa kolar baju, paras tepi tidak melebihi parsa atas telinga dan parsa depan tidak melebihi parsa dahi.
- ii. Rambut berfesyen seperti "afro", "punk", berekor atau diwarnakan **TIDAK** dibenarkan.



## 5.2 SAHSIAH RUPA DIRI PELAJAR PEREMPUAN

### 5.2.1 Pakaian Ke Kelas/Bengkel/Makmal

- i. Pakaian yang menjolok mata seperti pakaian yang ketat, jarang, pendek, berbelah, nipis dan mendedahkan mana-mana bahagian badan **TIDAK** dibenarkan.
- ii. Pelajar **TIDAK** dibenarkan memakai “skirt” yang lebih pendek dari paras lutut.
- iii. Baju “T” berkolar yang tidak mempunyai tulisan atau gambar yang membawa pengertian liar, negatif, lucah atau melambangkan mana-mana parti politik.
- iv. Baju “T” tidak berkolar **TIDAK** dibenarkan.
- v. Berseluar yang tidak ketat.
- vi. Selipar, terompah, kasut bertumit tinggi (yang runcing) **TIDAK** dibenarkan. Kasut yang berladam logam yang berbunyi juga **TIDAK** dibenarkan.

### 5.2.2 Rambut

- i. Rambut hendaklah kemas. Rambut berfesyen seperti berekor atau diwarnakan **TIDAK** dibenarkan.
- ii. Pelajar Islam diwajibkan memakai tudung

### 5.2.3 Perhiasan

Memakai barang kemas yang berlebihan **TIDAK** digalakkan.

### **5.3 PAKAIAN UNTUK RIADAH**

Pelajar hendaklah memakai pakaian yang sesuai dengan aktiviti dan persekitaran.

#### **Penampilan Rupadiri Pelajar Lelaki/Pelajar Perempuan**

LELAKI	PEREMPUAN				
					
KEMEJA BERLENGAN PANJANG/ PENDEK	BAJU MELAYU	BAJU KORPORAT BERKOLAR DAN BERLENGAN PENDEK	BAJU KURUNG	JUBAH	BAJU KASUAL / BAJU KORPORAT

### **6.0 HAL-HAL LAIN**

- 6.1 Semua pelajar dinasihatkan membawa pakaian sukan yang sesuai dan memenuhi syarat-syarat pakaian seperti dijelaskan dalam bahagian 5.
- 6.2 Sediakan mesin kira (kalkulator) saintifik yang tidak boleh diprogramkan.

## **B. PANDUAN PENDAFTARAN PELAJAR BARU**

Anda dinasihatkan supaya membaca maklumat dan arahan dibawah dengan teliti supaya urusan supaya hari pendaftaran berjalan dengan lancar. **Anda tidak akan didaftarkan sekiranya mana-mana perkara yang disebutkan di bawah tidak dipenuhi.**

### **1. HARI PENDAFTARAN**

**Anda hendaklah hadir untuk mendaftar diri sebagai pelajar Politeknik METrO Kuantan pada hari dan waktu seperti yang dinyatakan dalam surat iringan. Jika anda tidak mendaftar pada tarikh, masa dan tempat yang telah ditetapkan bermakna anda menolak tawaran ini.**

### **2. PERKARA-PERKARA YANG MESTI DIBAWA PADA HARI PENDAFTARAN:-**

2.1 Dokumen-dokumen **ASAL & SALINAN** yang berikut:-

- a) Kad Pengenalan,
- b) Surat Tawaran ke Politeknik,
- c) Sijil atau slip Keputusan Peperiksaan SPM/SPM(V),
- d) Sijil Berhenti Sekolah,
- e) Dokumen kokurikulum yang berkaitan  
(terutamanya yang mewakili Negara dan negeri)
- f) Surat Akuan/Testimonial sekolah (jika berkaitan),
- g) Borang-borang pendaftaran berikut yang telah lengkap di isi:-
  - i. Borang Maklumat Peribadi pelajar – **HEP 1**
  - ii. Laporan Pemeriksaan Doktor – **HEP 2**
  - iii. Kebenaran Ibu/Bapa/Penjaga untuk Rawatan Pembedahan – **HEP 3**
  - iv. Ikrar Pelajar dan Lepas Tanggung – **HEP 4**
  - v. Akuan Pelajar – **HEP 5**
  - vi. Aku Janji Pelajar – **HEP 6**

**(jika anda tidak mengemukakan dokumen-dokumen ASAL untuk semakan, anda tidak layak didaftarkan)**

2.2 Bayaran melalui bank hendaklah dilakukan sebelum datang ke Politeknik METrO Kuantan dan bawa semua salinan slip pembayaran semasa hari pendaftaran sebagai bukti pembayaran.

**SEMUA PEMBAYARAN YANG TELAH DIBUAT TIDAK AKAN DIKEMBALIKAN** sekiranya anda berhenti dari menjadi pelajar Politeknik METrO Kuantan.

Pelajar yang mendapat tajaan daripada mana-mana agensi kerajaan atau swasta hendaklah membawa bersama **surat pengesahan penajaan** yang asal beserta satu salinan semasa mendaftar. Mana-mana bayaran yang tidak ditanggung oleh penaja hendaklah dijelaskan oleh pelajar semasa pendaftaran.

- 2.3 Empat (4) keping **gambar warna** yang terbaru **berukuran kad pengenalan** termasuk gambar pada borang HEP. Semua **pelajar lelaki** hendaklah **bertali leher** dan berambut pendek ketika bergambar. Pelajar perempuan pula berpakaian yang tidak mendedahkan bahagian bahu dan pelajar perempuan Islam hendaklah bertudung. **Sila catatkan nama dan program anda di belakang setiap keping gambar.**

### **3. PAKAIAN DAN RUPADIRI SEMASA PENDAFTARAN**

- a) Pelajar-pelajar lelaki hendaklah memakai **seluar panjang dan baju kemeja**. Pelajar-pelajar perempuan (Islam) hendaklah berpakaian kemas dan menutup aurat. Bagi pelajar-pelajar bukan Islam hendaklah memakai pakaian yang bersih, kemas dan tidak menjolok mata. Pakaian yang ketat, jarang pendek, berbelah, nipis dan mendedahkan mana-mana bahagian badan seperti dada, bahu dan belakang adalah **tidak dibenarkan**.
- b) Berkasut serta berstokin.
- c) Rambut mestilah kemas. Rambut pelajar lelaki hendaklah pendek. Aras belakang tidak melebihi paras kolar baju, aras tepi tidak melebihi paras setengah telinga dan aras depan tidak melebihi aras dahi.
- d) Topi, baju-T, seluar jeans, seluar pendek dan seluar sukan (track bottom) **adalah dilarang**.

### **4. HAL-HAL LAIN**

- 4.1 Pelajar lelaki dan perempuan dikehendaki membawa **SELUAR SLACK HITAM** untuk digunakan semasa mengikuti Program Minggu Suai Kenal.
- 4.2 Semua pelajar diwajibkan mengikuti **Program Minggu Suai Kenal (MSK)**.  
Sila rujuk aturcara Minggu Suai Kenal seperti yang terdapat di dalam **Buku Panduan Pelajar Politeknik METRO Kuantan**. (Akan diberikan kepada setiap pelajar pada hari pendaftaran).

## **ARAHAN**

### **1. Borang HEP**

Calon dikehendaki melengkapkan semua borang HEP yang disediakan sebelum hadir melapor diri. Borang-borang tersebut hendaklah diserahkan di kaunter yang disediakan semasa melapor diri.

### **2. Tempat letak kenderaan**

Calon yang hadir dengan kenderaan (kenderaan sendiri atau kenderaan awam), sila ke tempat kenderaan yang disediakan oleh Majlis Perbandaran Kuantan(MPK). Harap maklum, bahawa pihak Politeknik METR0 Kuantan tidak menyediakan tempat meletak kenderaan dan anda dikehendaki menyediakan kupon meletak kenderaan yang boleh didapati di kaunter koperasi politeknik (aras 1) dan kiosk MPK yang berdekatan.

### **3. Yuran pengajian**

Slip/ resit **PEMBAYARAN BIMB** yang disertakan (secara berasingan) hendaklah digunakan untuk urusan pembayaran. Bayaran boleh dibuat di mana-mana cawangan **yang dinyatakan pada LAMPIRAN 1** sebelum hari pendaftaran. Sila pastikan maklumat yang ditulis pada slip berkenaan adalah betul sebelum membuat bayaran seperti mana yang telah ditetapkan dalam Buku Panduan ini. **Ingat! Sebarang bayaran telah dibuat tidak akan dikembalikan apabila calon telah mendaftar.**

### **4. Bayaran Pelbagai**

Calon diminta untuk membawa wang saku sebanyak **RM300** untuk bayaran aktiviti yang dibuat pada hari pendaftaran.

### **5. Dokumen Asal**

Calon-calon hendaklah memastikan semua Dokumen Asal dibawa semasa pendaftaran. Sila patuhi masa dan tarikh Pendaftaran yang telah ditetapkan.Ibu/bapa/penjaga yang mengiringi calon, bolehlah meninggalkan kampus setelah mendaftarkan diri.

### **6. Kerjasama calon-calon sepanjang hari pendaftaran amat-amat dihargai.**

## **MAKLUMAT TAMBAHAN PENGURUSAN DAN PENDAFTTRAN PELAJAR PASCA COVID-19**

Pelajar perlu mematuhi arahan dan peraturan yang ditetapkan oleh pihak Politeknik, KPT selaras dengan garis panduan yang telah dikeluarkan oleh Kementerian Pengajian Tinggi (KPT), Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan Majlis Keselamatan Negara (MKN).

Garis panduan Hari Pendaftaran Pelajar Baharu Sesi Jun 2020 (Pasca Covid-19) adalah seperti berikut:

- i. urusan pendaftaran kemasukan pelajar baharu dibuat secara berperingkat bagi memastikan jumlah kehadiran adalah terkawal pada satu-satu masa. Perjalanan pelajar adalah ditanggung dan diurus sendiri oleh pelajar.
- ii. pelaksanaan norma baharu seperti pemeriksaan suhu badan, penggunaan pensanitasi tangan, pemakaian pelitup muka dan pengamalan penjarakan sosial akan diadakan di seluruh Politeknik, KPT.
- iii. hanya **dua (2)** orang waris sahaja yang dibenarkan untuk mengiringi pelajar semasa hari pendaftaran.
- iv. pelajar yang bergejala COVID-19, berstatus *Person under Investigation* (PUI) atau *Person under Surveillance* (PUS), tidak dibenarkan mendaftar.
- v. pelajar baharu akan mengikuti PdP secara dalam talian di dalam kampus kecuali aktiviti makmal di dalam kelas.
- vi. Sebarang pertanyaan sila hubungi pihak pengurusan Politeknik berkenaan.

Sekian terima kasih.

**POLITEKNIK METR0 KUANTAN**

**POLITEKNIK METR0 KUANTAN**  
**SENARAI SEMAK SEBELUM HADIR PADA HARI PENDAFTARAN**

Semak dan tandakan ✓ pada petak yang berkenaan sekiranya perkara-perkara berikut telah disediakan oleh anda, sebelum bertolak ke **Politeknik METR0 Kuantan** untuk mendaftar diri.

1. Dokumen-dokumen Asal dan Salinan  
**(Peringatan: Kegagalan membawa dokumen-dokumen ASAL akan mengakibatkan pendaftaran anda DITOLAK)**
- |   |                          |
|---|--------------------------|
| 1.1 Kad Pengenalan  | <input type="checkbox"/> |
| 1.2 Surat Tawaran ke Politeknik METR0 Kuantan   | <input type="checkbox"/> |
| 1.3 Sijil atau Slip Keputusan Peperiksaan SPM/SPM (V)   | <input type="checkbox"/> |
| 1.4 Dokumen-dokumen/sijil-sijil Kokurikulum (jika berkaitan – terutamanya yang mewakili Negara dan negeri)              | <input type="checkbox"/> |
| 1.5 Sijil Berhenti Sekolah  | <input type="checkbox"/> |
| 1.6 Surat Akuan/Testimonial Sekolah (jika berkaitan)  | <input type="checkbox"/> |
| 1.7 Borang-borang Pendaftaran telah lengkap diisi   | <input type="checkbox"/> |
| a) <b>HEP1:</b> MAKLUMAT PERIBADI PELAJAR   | <input type="checkbox"/> |
| b) <b>HEP2:</b> LAPORAN PEMERIKSAAN DOKTOR  | <input type="checkbox"/> |
| c) <b>HEP4:</b> KEBENARAN UNTUK RAWATAN PEMBEDAHAN  | <input type="checkbox"/> |
| d) <b>HEP3:</b> IKRAR PELAJAR DAN LEPAS TANGGUNG  | <input type="checkbox"/> |
| e) <b>HEP5:</b> AKUAN PELAJAR   | <input type="checkbox"/> |
| f) <b>HEP6:</b> AKU JANJI PELAJAR   | <input type="checkbox"/> |
| 1.8 Salinan dokumen-dokumen yang telah disahkan bagi tujuan permohonan pinjaman/biasiswa                                | <input type="checkbox"/> |
| 2. Salinan Slip Pembayaran Yuran Pengajian BIMB berjumlah RM200.00 atas nama POLITEKNIK KPT. ( <i>yuran pengajian</i> ) | <input type="checkbox"/> |
| 3. Gambar warna terbaru ( <i>saiz kad pengenalan 4 keping</i> )   | <input type="checkbox"/> |

**JADUAL 1**

**TARIKH PENDAFTARAN : 04 OGOS 2020 (DIPLOMA PERKHIDMATAN MAKANAN  
AMALAN HALAL)**

**05 OGOS 2020 (DIPLOMA PENGURUSAN  
PELANCONGAN)**

**MASA PENDAFTARAN : 09.00 am hingga 12.30 pm**

**TEMPAT PENDAFTARAN : ARAS 5, POLITEKNIK METR0 KUANTAN**

**PELAJAR DIWAJIBKAN BERPAKAIAN KEMAS SEMASA MENDAFTAR SEBAGAIMANA  
YANG DITETAPKAN DALAM PERATURAN AM DAN TATATERTIB (AKTA 174)**

**TATACARA PEMBAYARAN BAYARAN****BANK ISLAM****PENGAJIAN DI BANK ISLAM MALAYSIA BERHAD (BIMB)****Jadual 1: Bayaran Yuran Pengajian**

Bil	Perkara	RM	Cara Bayaran
1	Yuran Pengajian	200.00	RUJUK TATACARA PEMBAYARAN DI LAMPIRAN 1
	<b>JUMLAH</b>	<b>200.00</b>	

**Bayaran Yuran Pengajian hanya menggunakan mesin ATM atau CDM BIMB****TATACARA PEMBAYARAN BAYARAN PELBAGAI****Jadual 1: Bayaran Yuran Pelbagai**

Bil	Perkara	RM	Cara Bayaran
1	Yuran Pelbagai	300.00	Dibayar pada Hari Pendaftaran
	<b>JUMLAH</b>	<b>300.00</b>	

## TATACARA PEMBAYARAN YURAN PENGAJIAN DI BANK ISLAM MALAYSIA BERHAD (BIMB)

---

### **MAKLUMAT PENTING**

1. Semua pelajar Politeknik KPT (pelajar baru dan senior) diwajibkan membuat pembayaran yuran pengajian di mana-mana cawangan Bank Islam (M) Berhad.
2. Sila buat pembayaran **YURAN PENGAJIAN RM 200** terlebih dahulu sebelum mendaftar/melapor diri di Politeknik METrO Kuantan pada tarikh yang ditetapkan.

### **KAEDAH PEMBAYARAN**

Bayaran boleh dibuat melalui saluran berikut:

- a. Perkhidmatan Perbankan Internet ([bankislam.biz](http://bankislam.biz))
- b. Mesin ATM BIMB
- c. Mesin Cash Deposit (CDM) Bank Islam

\*Salinan resit pembayaran perlu diserahkan kepada urusetia pada hari pendaftaran\*

## A. PERKHIDMATAN PERBANKAN INTERNET

Calon perlu mempunyai akaun BIMB dan ID untuk mengakses perbankan internet Bank Islam. Sila layari [www.bankislam.com.my](http://www.bankislam.com.my)

1. Klik logo “Internet Banking Login” dan tekan butang :ok” pada “Security Alerts”
2. Masukkan ID pengguna dan kata laluan untuk memasuki sistem Perbankan Internet Bank Islam.
3. Pilih “Bill Presentment” pada bahagian “Bill Payment”.
4. Pilih **POLITEKNIK KPT** pada bahagian senarai Universiti.
5. Masukkan No Kad Pengenalan pada ruang Kad Pengenalan dan klik “next”
6. Senarai bil akan dipaparkan. Pilih bil yang hendak di bayar dan klik “pay”
7. Maklumat bil yang hendak dibayar akan dipaparkan. Pilih “source account” yang hendak di debitkan and sahkan jumlah amaun yang hendak di bayar dan klik “pay”
8. Skrin berikutnya akan menyenaraikan maklumat bayaran yang perlu disahkan.
9. Klik "Confirm" untuk menuruskan pembayaran atau sebaliknya.
10. Skrin berikut akan menunjukkan makluman bayaran yang telah dilakukan. Pelanggan adalah dinasihatkan untuk membuat salinan makluman bayaran yang dilakukan sebagai rujukan.

**(Sila buat DUA (2) salinan pengesahan pembayaran untuk yuran pengajian sebagai rujukan dan bukti pembayaran)**

## B. MESIN ATM BANK ISLAM

Pembayar **WAJIB** memiliki akaun BIMB terlebih dahulu

1. Pilih menu LAIN-LAIN
2. Pilih menu PEMBAYARAN BIL / YURAN IPT
3. Pilih menu YURAN IPT
4. Pilih Akaun Pembayar ( akaun yang akan didebit )
5. Masukkan NO KAD PENGENALAN Pelajar
6. Pilih Bil yang ingin dibayar
7. Sahkan amaun yang ingin dibayar
8. Transaksi selesai dan ambil Resit

**(Sila buat DUA (2) salinan resit pembayaran untuk yuran pengajian sebagai rujukan dan bukti pembayaran)**

## C. MESIN CASH DEPOSIT (CDM) BANK ISLAM

1. Pilih menu YURAN IPT
2. Masukkan NO KAD PENGENALAN Pelajar
3. Pilih POLITEKNIK KPT
4. Sahkan data dan masukkan wang
5. Sahkan jumlah kemasukkan wang
6. Transaksi selesai dan ambil Resit

**(Sila buat DUA (2) salinan resit pembayaran untuk yuran pengajian sebagai rujukan dan bukti pembayaran)**



**POLITEKNIK**  
MALAYSIA  
METR0 KUANTAN



**POLITEKNIK**  
MALAYSIA  
METR0 KUANTAN

No. A-5, Jalan Tun Ismail 2,  
Sri Dagangan 11,  
25000 Kuantan,  
Pahang Darul Makmur.  
Tel: 09 - 5659000

